

Kerajaan komited baiki taraf kebajikan pekerja

KUALA LUMPUR 1 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan amat sedar dan komited terhadap usaha untuk memperbaiki taraf kebajikan semua anggota perkhidmatan awam.

Bagaimanapun, kata beliau, pelaksanaan usaha itu bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.

“Saya berharap hubungan baik antara kerajaan dan CUEPACS dapat diteruskan agar ia dapat memberi faedah dan kebaikan kepada pekerja, kerajaan dan negara pada masa akan datang,” katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian dalam perutusannya sempena Konvensyen CUEPACS ke-22 yang akan bermula di ibu negara, esok.

Ia akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr. Mahathir menambah, CUEPACS telah diiktiraf sebagai wakil tunggal anggota sektor awam dalam merundingkan hal-hal kebajikan anggota awam seperti gaji, skim perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan dengan kerajaan.

“Selaras dengan status tersebut, saya sangat berpuas hati dengan peranan yang telah dimainkan oleh kepimpinan CUEPACS sejak beberapa tahun kebelakangan ini yang menjalin hubungan harmoni dengan kerajaan melalui konsep perhubungan majikan pekerja dalam perkhidmatan awam.

“Sokongan dan sikap keprihatinan CUEPACS terhadap kerajaan

semasa kegawatan ekonomi dengan tidak membuat tuntutan yang keterlaluan amat dihargai,” katanya lagi.

Kini CUEPACS dianggotai oleh 130 buah kesatuan gabungan sektor awam.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai agensi pusat bagi menyelesaikan isu-isu anggota awam sentiasa bersedia untuk berbincang, mengkaji dan menimbang isu-isu yang dikemukakan oleh CUEPACS.

Keputusan-keputusan yang telah dan bakal dibuat oleh JPA adalah berdasarkan kepada merit sesuatu kes dan kemampuan kewangan kerajaan untuk melaksanakannya.

“Banyak isu yang telah diselesaikan melalui perundingan dan perbincangan dengan CUEPACS.

“Suasana harmoni seperti ini perlu diteruskan di masa-masa akan datang selaras dengan konsep pengurusan bersama dan rakan kongsi bijak melalui program perhubungan majikan pekerja sektor awam,” katanya lagi.

Menurut beliau, kepimpinan CUEPACS semenjak beberapa tahun lalu telah banyak mengamalkan konsep musyawarah dalam menangani sesuatu isu dengan JPA dan amalan itu hendaklah dikekalkan secara berterusan.

“JPA mengalu-alukan cara bertindak yang demikian kerana banyak isu dapat diselesaikan semenjak beberapa tahun lalu,” katanya.